

Bagi meningkatkan prospek pembangunan sumber manusia, akademik

UMP jalin kerjasama MSSA, CIDB

Oleh SYAH HAIRIZAL
KAMALUL ARIFIN

KUANTAN 15 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalin kerjasama dengan Persatuan Keluli Struktur Malaysia (MSSA) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi meningkatkan prospek pembangunan sumber manusia, akademik, penyelidikan dan latihan dalam industri tersebut.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, inisiatif itu dapat memantapkan kebolehan mahasiswa agar berupaya menterjemah pengetahuan kejuruteraan dan kemahiran teknikal yang dipelajari dengan lebih efektif.

"Kerjasama dengan MSSA dan CIDB ini merupakan satu keper-

luan dalam usaha UMP memastikan graduan memiliki kualiti dan standard yang diinginkan pemain industri," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UMP dan MSSA di Bangunan Canselor UMP Gambang, dekat sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, Daing Nasir dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Fadzil Mat Yahaya mewakili UMP manakala MSSA diwakili Naib Presidennya, Professor Azlan Adnan dan Ir. Foong Tong Weng.

Pada majlis sama turut diadakan pelancaran Buku Modul Panduan Latihan Industri Berstruktur yang diterbitkan hasil usaha sama UMP dan CIDB.

Penerbitan buku itu adalah hasil pelaksanaan oleh FKASA yang mengguna pakai modul CIDB tersebut seawal 2009 dan kini dijadikan garis panduan penilaian pelajar peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Sementara itu, Azlan berkata, kerjasama itu bagi meningkatkan capaian penggunaan struktur keluli dan penstrukturan pembangunan menggunakan keluli yang telah diusahakan bermula tahun lalu bersama beberapa universiti teknikal di seluruh negara.

"Selain UMP, lima universiti lain turut menjalinkan kerjasama dengan MSSA antaranya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Universiti Selangor (Unisel)," katanya.



AZLAN Adnan (dua dari kanan) dan Daing Nasir Ibrahim (dua dari kiri) menandatangani memorandum persefahaman antara UMP dan MSSA di Kuantan, baru-baru ini.